

29/05/2003

PM terima hasrat Dr Ling

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju menerima peletakan jawatan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai Menteri Pengangkutan.

Persetujuan itu diumumkan sendiri Dr Ling pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Dr Ling yang melepaskan jawatan Presiden MCA Jumaat lalu, berkata peletakan jawatannya dalam Kabinet akan berkuat kuasa apabila Perdana Menteri mengumumkan rombakan Kabinet.

"Saya akan bercuti selama 30 hari mulai esok (hari ini) dan Perdana Menteri amat baik hati untuk meluluskan cuti saya.

"Saya sudah berkhidmat selama 17 setengah tahun dalam kementerian ini. Hari ini adalah hari terakhir saya (dalam Kabinet)," katanya yang berlepas ke Melbourne, Australia malam tadi.

Presiden MCA baru yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, akan memangku jawatan Menteri Pengangkutan sehingga Kabinet dirombak.

Sejak perubahan kepemimpinan MCA lima hari lalu, Timbalan Presiden MCA yang baru, Datuk Chan Kong Choy, 48, yang kini Timbalan Menteri Kewangan, disebut-sebut akan dinaikkan pangkat menjadi menteri penuh.

Dr Ling pada sidang media di sini semalam, berkata beliau menemui Dr Mahathir bagi menghantar surat peletakan jawatan dan surat bercuti sebelum mesyuarat Kabinet pagi semalam.

Beliau berkata, terpulang kepada Perdana Menteri untuk menentukan siapa yang akan dinamakan sebagai Menteri Pengangkutan dalam rombakan Kabinet kelak.

"Tidak perlu cadangan nama. Ia adalah hak Perdana Menteri untuk menentukannya," katanya.

Ditanya apa akan dilakukan ketika percutiannya di Australia, Dr Ling berkata, beliau menghabiskan masa dengan membaca buku serta bermain golf.

Dr Ling bagaimanapun enggan menjawab apabila ditanya sama ada beliau sedia menjadi penasihat kepada kerajaan selepas persaraannya.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberinya peluang untuk berkhidmat sepanjang 27 tahun dalam kerajaan.

"Saya meninggalkan pejabat dengan rasa gembira dan terima kasih kerana diberi peluang untuk berkhidmat sepanjang tempoh ini. Saya sudah menyumbang khidmat saya sehingga satu tahap tinggi seperti ini. Apa lagi yang seseorang boleh minta. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakyat dan parti.

Tibalah masanya untuk menyerahkan `baton' kepemimpinan kepada pemimpin muda. Saya akan masih ada sekiranya mereka memerlukan bantuan," katanya.

Dr Ling juga sempat berjenaka dan meminta pandangan pemberita mengenai apa dapat dilakukan selepas persaraannya.

"Janganlah semua (pemberita) kelihatan sedih. Semua orang akan bersara satu hari nanti. Betul tak? Ia hanyalah satu fasa dalam kehidupan. Saya

sudah berasa kerjaya pertama saya sebagai doktor dan kerjaya kedua sebagai ahli politik. Saya masih muda, sihat dan bertenaga.... saya tak sabar dengan kerjaya ketiga saya," katanya.

Sebelum sidang akhbar itu, Ong dan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn yang juga Naib Presiden MCA, mengadakan perbincangan dengan Dr Ling di pejabatnya.

Ong ketika ditemui pemberita di pejabatnya di Pusat Bandar Damansara di ibu negara semalam, mengesahkan sudah mengemukakan senarai calon pengganti

Dr Ling kepada Dr Mahathir ketika mesyuarat Kabinet di Putrajaya semalam.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas berapa nama yang terkandung dalam senarai yang dikemukakannya itu.

"Keputusan muktamad terletak di tangan Perdana Menteri kerana ia adalah haknya. Hanya Perdana Menteri tahu cara untuk menyusun satu barisan Kabinet yang sesuai," katanya.

Ditanya siapa calon itu dan sama ada senarai nama berkenaan dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) MCA, Ong berkata, beliau tidak perlu membincangkan secara terbuka dan terperinci senarai nama yang dicadangkan.

Sebaliknya, kata beliau, MCA akan mengikut tradisi iaitu mencadangkan pengganti Dr Ling kepada Perdana Menteri.

Katanya, untuk menghormati Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu, beliau tidak akan mengumumkan nama yang dicadangkan secara terbuka.

Beliau juga menasihatkan semua ahli MCA supaya tidak membuat sebarang ramalan mengenai calon yang bakal dicadangkan, sebaliknya meminta mereka bersabar.

Bekas Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Lim Ah Lek ketika dihubungi pula enggan mengulas mengenai peletakan jawatan Dr Ling.

"Saya tidak tahu sejauh mana kebenaran kenyataan Ling. Tunggu esok setelah saya meneliti kenyataannya," katanya yang turut meletak jawatan dalam parti Jumaat lalu bagi menamatkan krisis kepemimpinan MCA sejak lebih 15 bulan lalu.